

Ada cadangan tukar portfolio

Perdana Menteri nafi berlaku rombakan dalam Kabinet, tiada menteri baharu

NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan akan berlaku rombakan dalam barisan menteri Kabinetnya seperti yang dilaporkan akhbar.

Bagaimanapun, beliau mengakui perkara itu ada dibincangkan sebelum ini.

"Tiada rombakan Kabinet, tiada menteri baharu. Saya cakap dengan Kabinet (barisan menteri) mungkin ada tukar sikit portfolio.

"Tapi belum ada lagi (rombakan), itu pun saya belum buat dan belum lakukan. Kalau nak buat saya beritahu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Kerajaan di Perbadanan Putrajaya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai desas-desus mengatakan akan berlaku rombakan Kabinet dalam masa terdekat.

Ditanya mengenai desas-desus mengatakan Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed yang juga bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bakal dibawa menyertai barisan Kabinetnya, Dr Mahathir bagaimanapun menafikan perkara itu.

"Tiada muka baharu yang akan dibawa masuk menyertai barisan Kabinet," katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada terdapat permintaan daripada anggota Kabinet untuk bertukar portfolio, Dr Mahathir berkata, tiada permintaan sebegitu.

Ditanya pula sama ada beliau berpuas hati dengan prestasi anggota Kabinetnya, beliau berkata: "Saya rasa mereka mempunyai pengalaman lebih daripada setahun dan mereka kini lebih berkeupayaan berbanding semasa mula-mula dahulu."



Dr Mahathir pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Kerajaan di Perbadanan Putrajaya semalam.

Tiada masalah tukar portfolio

SHAH ALAM - Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof menegaskan beliau tidak mempunyai masalah sekiranya berlaku pertukaran portfolio antara menteri.

Menurutnya, beliau sedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

"Saya tiada masalah sekiranya berlaku rombakan Kabinet la terpulang kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sedia menjalankan tugas sebaik mungkin untuk memastikan amanah ditunaikan dengan betul dan ada hala tuju," katanya selepas Wacana *Sinar Harian* Siri ke-121 bertajuk DKN 2030: Pemangkin Usahawan Negara di Dewan Kumpulan Media Karangkraf di sini semalam.

Tegas beliau, tiada rombakan Kabinet berlaku, sebaliknya ha-

nya cadangan mengenai perubahan portfolio.

"Tak ada usul rombakan Kabinet daripada Dr Mahathir, sebaliknya hanya cadangan kepada Kabinet bagi menyusun semula portfolio-portfolio untuk dipertanggungjawabkan kepada menteri terlibat.

"Saya yakin tiada menteri akan digugurkan. Jadi tidak timbul isu ada menteri masuk atau keluar. Namun, itu semua bergantung kepada Dr Mahathir," katanya ketika diminta mengulas mengenai dakwaan akan berlaku rombakan Kabinet dalam masa terdekat.

Mengulas mengenai desas-desus Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed bakal menganggotai Kabinet baharu, beliau menafikan perkara itu.

"Isu Tok Pa (Mustapa) ini cerita lama, hanya spekulasi. Tiada perbincangan mengenai perkara ini," katanya.

Beberapa laporan berita semalam melaporkan mengenai rombakan Kabinet yang dijangka berlaku pada bila-bila masa dan beberapa nama pemimpin disebut-sebut akan menerajui beberapa kementerian serta portfolio baharu.

Turut disebut menyertai Kabinet ialah Mustapa dengan alasan Kabinet memerlukan anggota yang berpengalaman.

Cerita itu timbul berikutan pertemuan Dr Mahathir dengan pemimpin Pakatan Harapan (PH) yang mula-mula terlibat dalam pembentukan Kabinet pada Mei 2018 kelmarin.

Difahamkan pertemuan itu bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai hal ehwal perjalanan kerajaan yang menyentuh perkara berkaitan portfolio dan kementerian.